



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	30/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			

# Minta PERHILITAN tangkap gajah liar

BH, 30 Ogos  
2021 20

Penduduk  
Kampung Lembaga  
rugi, 500 pokok  
pisang musnah

Oleh Ramli Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Gua Musang:** Penduduk Kampung Lembaga, di sini menggesa Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mengambil tindakan segera menangkap gajah yang memusnahkan hasil kebun mereka sejak empat bulan lalu.

Penduduk, Mohd Rosdi Ayub, 54, berkata setakat ini, 500 pokok pisang diusahakan di Jalan Subong, tidak jauh dari rumahnya bersama 10 penduduk dimusnahkan gajah.

"Sampai bila kami terpaksa tanggung kerugian kerana kerap



Penduduk melihat pokok pisang yang dimusnahkan gajah di Kampung Lembaga, Gua Musang, semalam. (Foto Ramli Ibrahim/BH)

kali gajah musnahkan pokok pisang, tetapi tiada tindakan diambil," katanya.

Katanya, kejadian sama berulang sejak empat bulan lalu dan terbaru pagi Jumaat lalu hingga mereka takut untuk memasuki kebun.

Mohd Rosdi berkata, dua ekor

gajah dipercayai masih berada dalam kawasan berkenaan dan kemungkinan lebih banyak pokok pisang dimusnahkan.

"Pokok pisang yang dimusnahkan sudah mengeluarkan hasil. Kami sudah laporkan kepada PERHILITAN tetapi belum ada tindakan," katanya.